



PROSEDUR PENGURUSAN DATA BACKUP PEREKODAN CCTV BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
MAJLIS PERBANDRAN KULIM

1.0 PENGENALAN

CCTV atau televisyen litar tertutup ialah sistem pengawasan yang menggunakan kamera video dan peralatan berkaitan yang lazimnya digunakan di premis-premis dan jabatan kerajaan. Bertujuan untuk mencegah risiko kegiatan jenayah dan keselamatan

2.0 OBJEKTIF

Melakukan data backup atau salinan pendua untuk data CCTV yang direkod yang biasanya dilakukan dengan tujuan untuk melindungi data jika storan gagal berfungsi dan melindungi data jika berlaku bencana seperti banjir, kebakaran dan sebagainya

3.0 SKOP

- (a) **Melindungi keselamatan data** daripada bencana dan kerosakan storan secara fizikal
- (b) **Sebagai penyimpanan arkib** sekiranya berlaku sesuatu kejadian yang memerlukan data Kamera litar tertutup yang direkod untuk dilihat semula bagi tujuan siasatan
- (c) **Melindungi daripada kerosakan data** akibat kegagalan media storan fizikal (corrupted data)

4.0 RUJUKAN

- (a) Dasar Keselamatan ICT, Majlis Perbandaran Kulim Versi 1.2.
- (b) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 01 Oktober 2000, Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 – Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan;
- (c) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 15 Januari 2002, *Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook (MyMIS) Version 2.0*; dan
- (d) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 02 April 2009, Dasar Keselamatan ICT MPKK versi 5.2.

5.0 PRINSIP PENYIMPANAN

5.1 TEMPOH SIMPANAN


Imej yang direkodkan oleh perekodan (DVR) CCTV hanya disimpan selama 18 hari. Salinan data akan dilakukan oleh pegawai yang dibenarkan sahaja. Imej yang direkodkan adalah sulit bagi memastikan bahawa hak-hak individu yang dirakam didalam CCTV dilindungi. Imej mungkin perlu disimpan lebih lama apabila diperlukan bagi sesuatu siasatan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada sebab untuk mengekalkan imej yang dirakamkan, ianya harus dihapuskan

5.2 LOKASI SIMPANAN

Lokasi salinan pendua (data *backup*) perlu disimpan di lokasi yang berasingan daripada lokasi perekodan. Ini adalah untuk memastikan tiada individu yang boleh mencapai atau mengambil data *backup* tanpa kebenaran


6.0 PROSES DATA BACKUP IMEJ YANG DIREKODKAN CCTV

Salinan data pendua CCTV hanya akan dilakukan oleh pegawai yang telah diberikan akses oleh pihak pengurusan sahaja. Data CCTV akan disalin dan di pindah keluar dari perekodan(DVR) CCTV ke dalam cakera keras luaran/USB. Setelah selesai proses salinan, data CCTV tersebut akan dipindah kedalam storan server khas arkib penyimpanan data CCTV.




PROSEDUR DAN LANGKAH

1.)Buka menu antara muka perekodan CCTV dan Klik Seach Tab



2.) Klik Backup Tab dan Pilih Chanel CCTV yang ingin di backup, kemudian klik next



3.) Pilih jenis media storan iaitu USB, dan kemudian Klik start untuk proses salinan data CCTV ke dalam media storan USB. Tunggu sehingga proses selesai. Pindahkan data yang dibackup ke storan server yang dikhaskan.



DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
MAJLIS PERBANDARAN KULIM**

www.mpkk.gov.my

Telefon : 04-4325225

Faks : 04-4325229